

NAMA : ..... TINGKATAN: .....

**MODUL PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5****TAHUN 2021****MODUL 1****BAHASA MELAYU****KERTAS 1****DUA JAM****JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

Arahan kepada murid:

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian:  
Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab bagi **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	30	
B	1	70	
	2		
	3		
	4		
JUMLAH		100	

Modul ini mengandungi 6 halaman bercetak

**BAHAGIAN A****[30 markah]****[Masa dicadangkan: 45 minit]**

Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan teliti.

Anda dikehendaki menjawab satu daripada e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya.

Panjangnya e-mel anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

**E-mel 1**

Daripada: [nurnilamsari@gmail.com](mailto:nurnilamsari@gmail.com)

Kepada: Kasmylia@gmail.com

Subjek: Faedah Melancong dalam Negara

Salam hormat temanku, Kasmylia,

Apa khabar saudari sekarang? Saya berharap agar saudari dan keluarga yang berada di Pahang sihat-sihat hendaknya. Baru-baru ini saya ada melihat saudari memuat naik foto-foto percutian saudari dalam laman sosial. Saya sangat kagum dengan pilihan saudari yang memilih melancong dalam negara sahaja. Ternyata, tempat-tempat pelancongan di Malaysia juga tidak kurang hebatnya berbanding di negara luar.

Saudari,

Pada kesempatan ini saya ingin meminta saudari berkongsi pandangan menceritakan faedah melancong dalam negara. Saya berharap perkongsian saudari akan memberikan info baharu kepada saya untuk memilih destinasi percutian nanti.

Sekian, sahabatmu,

*Nurnilamsari*

**E-mel 2**

Daripada : [anith\\_bellarina@gmail.com](mailto:anith_bellarina@gmail.com)

Kepada : [zulhelmi\\_zahar@yahoo.com](mailto:zulhelmi_zahar@yahoo.com)

Subjek : Keunikan makanan tradisional di Malaysia

Zul,

Apa khabar awak di sana? Saya harap awak dalam keadaan sihat-sihat sahaja. Sudah lama kita tidak berhubung sejak awak menduduki peperiksaan SPM. Tahniah, atas keputusan cemerlang yang diperoleh!.

Saya ada terbaca mengenai Malaysia yang terkenal dengan kepelbagaiannya makanan tradisional pelbagai kaum, malah menjadi salah satu daya tarikan pelancong dalam mahupun luar negara ke Malaysia.

Saya dan keluarga bercadang untuk melawat Malaysia pada masa akan datang. Bolehkah awak ceritakan keunikan dan keistimewaan makanan tradisional di negara awak?

Saya akan menantikan balasan e-mel daripada awak. Saya dahului dengan ucapan terima kasih atas perkongsian awak.

Sekian terima kasih.

**BAHAGIAN B****[70 markah]****[Masa dicadangkan: 1 jam 15 minit]**

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya hendaklah antara **350 hingga 500 patah perkataan**.

**Soalan 1**

Sikap peka dan mengambil tahu masalah jiran tetangga, kini dilihat semakin pudar dalam kalangan masyarakat negara ini. Justeru itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, menggesa sikap prihatin itu kembali diamalkan supaya jiran yang sedang kesusahan dapat dibantu, seterusnya mewujudkan komuniti yang sejahtera.

Sumber : "Sikap Prihatin dalam Kejiranan Semakin Pudar" *Berita Harian*, 14 Oktober 2017

Perubahan gaya hidup masyarakat serta kecanggihan teknologi kini menjadi faktor utama semangat kejiranan semakin luntur dalam kalangan masyarakat di negara kita. Oleh itu pelbagai langkah perlu dilakukan bagi memupuk kembali semangat kejiranan yang kian pudar.

Tulis sebuah rencana tentang "Langkah-langkah Memupuk Semangat Kejiranan dalam Kalangan Masyarakat".

**Soalan 2**

Setiap orang mengimpikan tubuh yang sihat dan cergas agar dapat memberikan keselesaan kepada diri untuk melakukan pelbagai aktiviti harian. Oleh hal yang demikian, penting bagi setiap individu khususnya golongan remaja untuk mengamalkan gaya hidup sihat agar rutin harian dan pembelajaran tidak terganggu. Pendedahan remaja kepada aktiviti yang menyihatkan seperti berbasikal, berjoging, mendaki gunung dan memanah dapat menjadikan mereka cergas dan cerdas.

(Sumber: Dewan Siswa, Bil 10/2020)

Petikan artikel menyatakan banyak kaedah yang boleh dilakukan untuk menyihatkan tubuh badan.

Bincangkan kepentingan menjaga kesihatan kepada seorang remaja.

**Soalan 3**

Pembelajaran dalam talian amat memerlukan disiplin murid yang tinggi serta sokongan dan dorongan yang kuat daripada guru dan ibu bapa. Antara faktor yang menyumbang kepada hilang tumpuan murid ialah persekitaran di rumah yang tidak sesuai untuk pembelajaran, bahan pembelajaran tidak menarik, masalah capaian Internet, kegagalan peralatan teknologi yang digunakan, penjadualan tidak sesuai, kurang sokongan ibu bapa dan murid yang lemah dalam mata pelajaran.

Prof Madya Dr Mahizer Hamzah; Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Pendidikan,  
Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti dan kemampuan generasi baharu menyesuaikan diri ketika berhadapan dengan perubahan drastik dalam dunia pendidikan.

Huraikan peranan ibu bapa dalam memastikan anak-anak dapat mengikuti pembelajaran maya secara berkesan.

**Soalan 4**

Sektor pertanian menyumbang sebanyak 7.1 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada tahun lepas dan sektor ini dianjurkan berkembang pada kadar 4.7 peratus pada tahun ini. Pertanian bandar merupakan antara bidang yang mempunyai manfaat yang besar untuk diterokai oleh masyarakat Malaysia.

Sumber : Amirah Sazwani Baderol Sham.  
*Dewan Ekonomi.jendeladbp.my.* Ahad. 25 Mei 2021

Petikan rencana di atas menerangkan bahawa sektor pertanian membantu perkembangan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, pertanian bandar merupakan salah satu alternatif yang perlu diterokai oleh masyarakat. Walaupun begitu pertanian bandar ini masih baharu kepada generasi muda.

Huraikan usaha-usaha pelbagai pihak untuk menarik generasi muda menceburkan diri dalam bidang pertanian ini.

**TAMAT**